Urus Niaga	Bermaksud Urus Niaga perbankan yang dijalankan atau boleh dijalankan melalui penggunaan Kad atau tanpa penggunaan Kad dan hendaklah termasuk pengeluaran, pembelian, pembayaran, pemindahan dana, pertanyaan baki, deposit (tunai atau cek), penyelesaian akaun kredit, permohonan buku cek, permohonan penyata, pembayaran bil dan apa-apa perkhidmatan perbankan elektronik seperti yang akan ditawarkan atau diperkenalkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
Tarikh Tempoh Sah	Bermaksud tarikh tamat tempoh Kad Debit ICBC yang dicetak pada Kad.
Debit Jualan	Bermaksud pembelian yang dibuat oleh Ahli Kad melalui Terminal POS, SST atau saluran lain (termasuk pesanan POS, pesanan telefon dan Urus Niaga Internet) yang menerima Kad melalui penggunaan Kad atau nombor Kad tanpa PIN apabila tandatangan Ahli Kad akan menjadi bukti pembelian yang dibuat kecuali untuk SST.

1. Kad

1.1 Kad hendaklah pada setiap masa menjadi hak Bank dan hendaklah diserahkan kepada Bank dalam tempoh yang ditetapkan atas permintaan.

1.2 Kad hanya sah jika digunakan dalam Tarikh Tempoh Sah. Ahli Kad hendaklah memastikan bahawa sebaik sahaja Kad tamat tempoh, kad dimusnahkan dengan memotong dua secara pepenjuru, dan mengembalikannya kepada Bank untuk penggantian. Penggunaan Kad ganti tertakluk kepada terma dan syarat yang dikuatkuasakan pada tarikh penggantian.

1.3 Kad tidak boleh digunakan selepas pembatalan, penamatan tempoh atau penarikan balik atau apabila Ahli Kad berhenti daripada menjadi pelanggan Bank.

1.4 Walau apa pun dan tanpa menjejaskan keluasan klausa-klausa dalam Terma dan Syarat ini, Ahli Kad menerima risiko dalam menggunakan perkhidmatan ini dan tidak akan menganggap Bank bertanggungjawab atas sebarang kerugian, kerosakan, kos dan/atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pemegang Kad disebabkan oleh penggunaan Mesin Juruwang Automatik (ATM) dan/atau perkhidmatan perbankan elektronik tersebut.

2. Penggunaan Kad

2.1 Kad dirangkaikan dengan Akaun yang membenarkan Ahli Kad menjalankan Urus Niaga, yang penggunaannya tertakluk kepada terma dan syarat perjanjian ini.

3. Kewajipan dan Tanggungjawab Ahli Kad

3.1 Ahli Kad hendaklah menandatangani Kadnya sebaik sahaja dia menerimanya dan sebelum menggunakannya sebagai cara untuk mencegah penggunaan Kad yang tidak dibenarkan. Tandatangan tersebut dan/atau penggunaan Kad hendaklah membentuk, mengikat dan menjadi bukti muktamad bahawa Ahli Kad adalah terikat dengan Terma dan Syarat ini.

3.2 Ahli Kad hendaklah menyimpan dan menggunakan Kadnya sendiri dan tidak boleh memindahkan, menyandarkan atau menggunakannya sebagai sekuriti bagi apa-apa Urus Niaga kredit.

3.3 Ahli Kad hendaklah mematuhi semua langkah keselamatan yang ditetapkan oleh Bank berkaitan dengan Kad, nombor akses, PIN atau perkhidmatan yang disediakan dan Ahli Kad tidak boleh pada bila-bila masa dan di bawah apa-apa keadaan, mendedahkan PINnya kepada sesiapa sahaja termasuk kakitangan Bank. Jika nombor kad, PIN, CVV atau CVV2 dan tarikh luput didedahkan atau disyaki didedahkan kepada orang lain atau di kompromi, Ahli Kad hendaklah dengan segera memberitahu Bank melalui Talian Penting dan tidak boleh menggunakan Kadnya sehingga Bank mengeluarkan Kad dan/atau PIN lain kepadanya. Ahli Kad faham dan bersetuju bahawa kegagalan mematuhi keperluan ini boleh mendedahkan Ahli Kad kepada kecurian dan/atau penggunaan Kad yang tidak dibenarkan yang ke atasnya Bank tidak akan bertanggungan. Ahli Kad hendaklah bertanggungjawab ke atas sebarang transaksi atau penggunaan Kad sehingga Bank mengesahkan penerimaan notifikasinya.

3.4 Ahli Kad mesti memaklumkan Bank secepat mungkin yang munasabah setelah mendapati Kad telah hilang, dicuri, transaksi tanpa kebenaran telah berlaku, atau PIN dan kredensial keselamatan mungkin telah dikompromi.

3.5 Ahli Kad tidak boleh menggunakan Kad untuk pengeluaran tunai, pembayaran atau pemindahan dana kecuali terdapat dana yang mencukupi dalam Akaunnya. Baki akaun hendaklah tidak termasuk cek yang belum jelas atau kiriman wang belum terima. Pengeluaran melalui ATM tertakluk kepada had tertentu yang ditentukan terlebih dahulu oleh Ahli Kad tertakluk kepada had maksimum RM10,000 dalam jumlah terkumpul sehari dan had maksimum RM2,000 bagi setiap Urus Niaga pengeluaran.

3.6 Ahli Kad mesti memberitahu Bank tentang apa-apa perubahan dalam butiran peribadinya dengan segera, termasuk tetapi tidak terhad kepada nombor kad pengenalan pendaftaran negara dan/atau nombor pasport, nama alamat dan nombor telefon. Transaksi mungkin ditolak jika butiran peribadi Ahli Kad tidak konsisten dengan rekod Bank.

3.7 Akaun dan baki hendaklah disemak dan dipantau secara tetap dan teliti oleh Ahli Kad dan disemak setiap kali sebelum mengeluarkan apa-apa arahan kepada Bank. Ahli Kad hendaklah memaklumkan dengan segera kepada Bank tentang apa-apa perbezaan.

3.8 Ahli Kad hendaklah memastikan bahawa terdapat dana yang mencukupi dalam Akaun untuk membuat apa-apa Urus Niaga. Jika dana di dalam Akaun tidak mencukupi dan Ahli Kad tidak mempunyai kemudahan overdraf atau apa-apa kemudahan kredit tersedia yang lain, semua Urus Niaga pembelian runcit, sama ada Urus Niaga dalam talian atau kad fizikal dengan Saudagar Dibenarkan akan ditolak. Jika Akaun Ahli Kad terlebih keluar atas apa-apa sebab sekalipun, Ahli Kad hendaklah membayar atas permintaan jumlah terlebih keluar tersebut berserta faedah, sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank ke atas jumlah yang terlebih keluar itu..

3.9 Jika pembelian atau penggunaan Kad dibuat melalui Urus Niaga dalam talian, MEPS, terminal MyDebit atau Urus Niaga tidak berdasarkan tandatangan termasuk dan tidak terhad kepada pembelian petrol, Ahli Kad bersetuju bahawa pengesahan resit dan/atau penerimaan yang dikeluarkan oleh mana-mana Saudagar Dibenarkan, syarikat gabungan atau ejennya untuk Urus Niaga tersebut hendaklah dianggap bukti dokumen yang memuaskan bagi penggunaan itu.

3.10 Jumlah pra-kebenaran sebanyak RM200 akan dikenakan ke akaun deposit yang dikaitkan dengan kad debit apabila Kad diberi kebenaran untuk pembelian petrol di pam automatik. Jumlah pra-kebenaran akan dikembalikan dan jumlah sebenar pembelian petrol akan dikenakan ke akaun deposit anda dalam masa 3 hari selepas tarikh urusniaga.

3.11 Ahli Kad hendaklah mematuhi semua keperluan, perintah, arahan dan garis panduan yang terpakai seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian ini dan di laman web rasmi Bank, sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa berkaitan dengan penggunaan Kad dan semua perkhidmatan yang disediakan kepada Ahli Kad.

3.12 Bank tidak akan bertanggungan terhadap apa-apa tindakan pengabaian oleh Saudagar Dibenarkan walau disebabkan oleh apa-apa sekalipun, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa penolakan untuk menerima Kad atau syarat yang dikenakan oleh Saudagar Dibenarkan dalam menerima Kad atau apa-apa pernyataan atau komunikasi lain yang dibuat berhubung dengannya, atau apa-apa kecacatan atau kekurangan dalam barangan atau perkhidmatan. Ahli Kad mesti berurusan secara langsung dengan Saudagar Dibenarkan tentang apa-apa tuntutan atau pertikaian dan tidak akan mempertikaikan apa-apa bayaran yang dibuat oleh Bank daripada Akaun ke atas tuntutan atau pertikaian itu.

3.13 Ahli Kad akan menggunakan Kad dengan bertanggungjawab, termasuk tidak menggunakan Kad untuk aktiviti haram. Bank berhak untuk menamatkan Kad dengan serta-merta jika Pemegang Kad didapati menggunakan Kad untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang.

3.14 Ahli Kad hendaklah mengambil langkah keselamatan yang berkaitan dengan Kad, nombor akses, PIN atau perkhidmatan yang disediakan, termasuk tempat tinggal Ahli Kad. Ini adalah termasuk:

a) Tidak mendedahkan butiran PIN atau kredensial keselamatan (cth: kod laluan) kepada mana-mana orang lain;
b) Tidak merekodkan atau menulis PIN atau kredensial keselamatan pada kad atau mana-mana tempat yang berdekatan dengan tempat simpanan kad tersebut;
c) Tidak menggunakan PIN atau kredensial keselamatan yang mudah diteka dan boleh dikaitkan dengan mudah seperti tarikh hari jadi anda, nombor kad pengenalan, paspot, lessen memandu atau nombor telefon; dan
d) Tidak membenarkan mana-mana orang lain menggunakan Kad dan PIN.
e) Tidak memdedahkan butiran Kad kepada pihak ketiga kecuali untuk memudahkan kebenaran pembayaran dan pembelian atau untuk mengaktifkan produk kad debit dalam dompet mudah alih (mobile wallet); dan
f) Pastikan peranti keselamatan selamat pada setiap masa.

3.15 Ahli Kad hendaklah segera menghubungi pihak Bank dengan serta-merta sebaik sahaja menerima sebarang amaran berkenaan Urus Niaga yang bukan diarahkan oleh Ahli Kad.

3.16 Ahli Kad hendaklah menyemak penyata akaun anda secara berkala dan melaporkan sebarang percanggahan tanpa berlengah.

4. Had & Perubahan Had

4.1 Melainkan jika diarahkan sebaliknya oleh Ahli Kad atau tanpa kehadiran Ahli Kad memilih had untuk menjalankan Urus Niaga, Bank berhak menentukan dan mengenakan apa-apa had sama ada amaun, kekerapan dan penggunaan Kad atau selainnya.

4.2 Had terkumpul harian Kad bagi pembelian/pengeluaran/pindahan boleh diubah pada bila-bila masa oleh Ahli Kad di kaunter di mana-mana cawangan ICBC atau dengan apa-apa cara lain yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa tertakluk kepada had terkumpul maksimum RM10,000 sehari. Bank tidak terikat untuk memastikan Urus Niaga Ahli Kad tidak melebihi had tersebut dan Bank tidak terikat untuk memenuhi permintaan Ahli Kad untuk mengubah had ini.

4.3 Walau apa pun yang dinyatakan di atas, Bank berhak untuk mengubah atau meminda had tersebut mengikut budi bicaranya. Sebarang pindaan atau perubahan akan dimaklumkan kepada Ahli Kad dalam apa-apa bentuk atau kaedah yang difikirkan sesuai oleh Bank."

5. Tanggungan Untuk Transaksi Yang Tidak Diberikuasa

5.1 Bank mesti diberitahu dengan segera tentang apa-apa kehilangan atau kecurian Kad atau Urus Niaga yang tidak diberikuasa dan keadaan seumpamanya melalui Talian penting (“Pemberitahuan”). Ahli Kad tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa Urus Niaga Kad tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan PIN jika anda tidak:

(a) bertindak secara menipu atau dengan kecuaian melampau;
(b) gagal untuk memaklumkan kehilangan Kad kepada Bank dengan seberapa segera dan semunasabahnya praktikal setelah mendapati bahawa Kad telah hilang atau dicuri;
(c) dengan sukarela mendedahkan PIN kepada orang lain;
(d) menulis nombor PIN di atas kad atau mana-mana tempat yang berdekatan dengan tempat simpanan kad tersebut.

Ahli Kad tidak bertanggngjawab ke atas apa-apa Urus Niaga Kad tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan tandangan atau kad tanpa sentuh jika anda tidak:

(a) bertindak secara menipu atau dengan kecuaian melampau;
(b) gagal untuk memaklumkan kehilangan Kad kepada Bank dengan seberapa segera yang semunasabahnya praktikal setelah mendapati bahawa Kad telah hilang atau dicuri;
(c) meletak/meninggalkan kad atau barangan yang mengandungi kad anda tanpa jagaan di tempat yang terdedah dan boleh diakses oleh orang lain; Ahli Kad hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga dalam melindungi Kad Debit walaupun do tempat kediaman Ahli Kad;

(d) membenarkan dengan sukarela bagi orang lain menggunakan kad debit.

5.2 Ahli Kad boleh memohon supaya kad ganti dikeluarkan kepada Ahli Kad berikutan kehilangan atau kecurian Kad itu. Bank tidak berobligasi untuk mengeluarkan kad ganti kepada Ahli Kad melainkan yuran penggantian kad dibayar dan dokumentasi berkaitan penggantian kad dilaksanakan seperti yang dikehendaki oleh Bank.

5.3 Sebagai balasan kepada Bank yang mengeluarkan ganti bagi kad asal kepada Ahli Kad, Ahli Kad bersetuju untuk melepaskan Bank daripada liabiliti dan hendaklah menanggung rugi Bank daripada dan terhadap semua tuntutan, permintaan, kehilangan, kerosakan, kos, caj dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh Bank apabila kad asal digunakan atau dikendalikan dalam apa-apa cara, pada masa ini atau pada masa hadapan atau oleh sebab Bank mengeluarkan kad ganti kepada Ahli Kad atas permohonan Ahli Kad yang untuknya Bank boleh mendebit akaun dan/atau menolak selesai jumlah tersebut daripada mana-mana akaun yang belum dikreditkan atas nama Ahli Kad.

6. Fi dan Caj

6.1 Bank berhak untuk melevi fi perkhidmatan sebanyak RM8.00 untuk pengeluaran Kad atau Fi Penggantian Kad sebanyak RM12.00 untuk penggantian apa-apa Kad yang hilang, dicuri, rosak atau jika PIN didedahkan atau tidak dapat diingat.

6.2 Fi caj perkhidmatan tahunan sebanyak RM8.00 dilevikan untuk Ahli Kad menjalankan Urus Niaga pengeluaran tunai tanpa had di ATM Bank. Fi tahunan tersebut hendaklah dibayar pada tarikh ulang tahunnya dan Bank hendaklah mendebitkan Akaun untuk jumlah sewajarnya tanpa apa-apa notis lanjut kepada Ahli Kad.

6.3 Bank akan mengecualikan caj perkhidmatan untuk setiap Urus Niaga pengeluaran melalui rangkaian ATM Bersama MEPS dan RM12.00 untuk setiap pengeluaran melalui rangkaian luar negara (kecuali Mainland China) atau RMB25.00 untuk setiap Urus Niaga pengeluaran melalui rangkaian luar negara di Mainland China.

6.4 Bank akan melevi caj perkhidmatan sebanyak RM1.00 atau RMB2.00 untuk setiap pertanyaan baki yang dibuat melalui rangkaian UnionPay. Pertanyaan baki yang dibuat melalui ATM Bank dan rangkaian ATM Bersama MEPS akan diketepikan. Fi dan caj yang dinyatakan di sini tidak lengkap dan tertakluk kepada perubahan menurut budi bicara penuh dan mutlak Bank.

6.5 Atas permintaan Ahli Kad, penyata bulanan tambahan boleh diambil semula dengan fi pegambilan semula sebanyak RM5.00 bagi setiap penyata dan draf jualan boleh diambil semula dengan fi sebanyak RM15.00 bagi setiap permintaan.

6.6 Bank akan mengenakan Spread Pertukaran Asing sebanyak 1% ke atas jumlah Ringgit Malaysia yang ditukar untuk sebarang penukaran transaksi yang dibuat dalam mata wang asing.

6.7 Ahli Kad hendaklah bertanggungan ke atas semua dan walau apa pun cajdan pendahuluan yang timbul daripada semua Urus Niaga, sama ada yang dibenarkan atau tidak dibenarkan, yang dilakukan dengan Kad.

7. Penyata & Rekod

7.1 Ahli Kad yang mendepositkan/mengeluarkan tunai di CDM/ATM hendaklah menerima amaun deposit/pengeluaran yang dicetak pada resit dan entri padanya dalam rekod Bank sebagai betul. Jika tunai tersekat, amaun deposit/pengeluaran hendaklah dianggap sebagai telah diterima/dibayar oleh Bank apabila ditentusahkan oleh dua (2) pegawai Bank dan amaun yang disahkan itu hendaklah dianggap sebagai amaun yang didepositkan/dikeluarkan.

7.2 Penyata bulanan akan dihantar ke alamat terakhir Ahli Kad yang diketahui dalam rekod Bank dan penyata tersebut hendaklah dianggap sebagai telah diterima oleh Ahli Kad pada hari ketiga (ke-3) selepas diposkan. Penyata-E juga disediakan untuk Ahli Kad yang mendaftar untuk perkhidmatan perbankan internet. Ahli Kad berkewajipan membuat laporan secara bertulis kepada Bank tentang apa-apa kesilapan dalam penyata dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh Ahli Kad menerima atau dianggap telah menerima penyata. Jika atas apa-apa sebab sekalipun, Bank tidak menerima pemberitahuan bertulis daripada Ahli Kad dalam tempoh yang ditetapkan tentang apa-apa kesilapan dalam penyata, Ahli Kad hendaklah dianggap sebagai telah menerima entri dalam penyata yang dibuat sehingga tarikh entri terakhir dalam penyata sebagai betul dan sebagai bukti akhir dan muktamad bagi fakta yang terkandung dalam penyata. Penyata akan dianggap sebagai muktamad dan mengikat Ahli Kad dan wakil undang-undang dan pengganti Ahli Kad dan Ahli Kad oleh itu hendaklah dihalang daripada membuat apa-apa tuntutan terhadap Bank dengan menyatakan penyata itu mengandungi apa-apa kesilapan.

8. Akaun Bersama

8.1 Pemegang akaun bersama tidak layak memohon Kad.

9. Budi Bicara Bank

9.1 Bank boleh pada bila-bila masa dan atas budi bicaranya untuk menolak kelulusan bagi mana-mana Urus Niaga yang dicadangkan dengan memberikan notis dan/atau alasan, walau apa pun baki semasa yang ada dalam Akaun yang membenarkan apa-apa Urus Niaga yang dicadangkan itu.

9.2 Bank boleh atas budi bicaranya dan tanpa memberikan sebarang alasan, melakukan perkara berikut dengan memberikan notis 21 hari terdahulu kepada Ahli Kad untuk:

(a) menggantung hak Ahli Kad untuk menggunakan Kad sepenuhnya atau bagi keistimewaan tertentu;

(b) menolak untuk mengeluarkan semula, membaharui atau menggantikan Kad, tanpa dalam apa-apa kes, menjejaskan obligasi Ahli Kad di bawah Terma dan Syarat ini yang akan terus berkuat kuasa dan tidak ada bayaran balik bagi apa-apa fi tahunan atau fi lain yang dibayar atau mana-mana bahagiannya, jika hak menggunakan Kad digantung oleh Bank atau jika Kad tidak dibaharui atau diganti; dan

(c) memperkenalkan, meminda, mengubah, mengehadkan atau menarik balik semua atau apa-apa manfaat, perkhidmatan, kemudahan dan keistimewaan bagi atau berhubung dengan penggunaan Kad dan/atau seperti yang diperuntukkan di bawah Terma dan Syarat ini.

10. Pengecualian dan Pembatasan Liabiliti

10.1 Bank tidak akan bertanggungan terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Ahli Kad yang timbul daripada perkhidmatan yang ditawarkan di SST dan Terminal POS tidak dapat disediakan.

10.2 Bank tidak akan bertanggungan terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan jika nombor Akaun yang salah dimasukkan oleh Ahli Kad semasa menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan di SST dan Terminal POS.

10.3 Bank tidak akan melaksanakan apa-apa pesanan atau arahan bayaran kecuali terdapat baki yang mencukupi di dalam Akaun Ahli Kad pada tarikh pesanan atau arahan bayaran dan tidak bertanggungan terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan yang timbul daripadanya. Baki akaun adalah tidak termasuk cek belum jelas atau kiriman wang belum terima. Semua pesanan atau arahan bayaran menjadi tidak sah jika Akaun Ahli Kad ditutup.

10.4 Ahli Kad hendaklah menerima semua tanggungjawab penuh bagi semua Urus Niaga yang dibuat dengan menggunakan Kad. Urus Niaga melalui Kad hendaklah dianggap sebagai Urus Niaga pengeluaran tunai dan Ahli Kad dengan ini membenarkan Bank mendebit Akaunnya untuk amaun penuh bil yang ditanggung melalui penggunaan Kad.

10.5 Ahli Kad bersetuju membenarkan Bank mendebit Akaun, pada bila-bila masa tanpa memberikan notis lanjut kepada Ahli Kad, dengan semua fi, caj dan komisyen yang dikenakan ke atas Kad dan/atau Urus Niaga dan/atau di bawah Terma dan Syarat ini. Jika pendebitan itu menyebabkan Akaun itu terlebih keluar, Ahli Kad bersetuju bahawa Bank boleh mengenakan faedah terlebih keluar pada kadar tertentu seperti yang dianggap sesuai dan wajar oleh Bank ke atas jumlah terlebih keluar itu.

11. Urus Niaga dan Kemudahan Lain

11.1 Ahli Kad boleh menggunakan Kad untuk membuat pengeluaran tunai di semua ATM Bank dalam negeri, ATM dengan logo MEPS dan UnionPay untuk melakukan Debit Jualan atau MyDebit dengan Saudagar Dibenarkan, untuk menjalankan Urus Niaga lain di SST atau perkhidmatan lain seperti yang akan disediakan atau diatur oleh Bank, dari semasa ke semasa, penggunaan kemudahan tersebut akan dikawal oleh terma dan syarat tertentu yang dikeluarkan oleh Bank berkaitan dengan kemudahan itu yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

11.2 Jika Bank memperkenalkan apa-apa produk, program, kemudahan atau perkhidmatan lain yang dipautkan atau berkaitan dengan atau berhubung dengan penggunaan Kad termasuk tetapi tidak terhad kepada produk atau program yang menawarkan kadar promosi, kadar terkurang, bayaran ansuran atau syarat khas lain seperti yang boleh dikenakan oleh Bank, dari semasa ke semasa bagi kategori Urus Niaga ke atas Ahli Kad melalui Kad, maka yang sama juga akan dikawal oleh terma dan syarat tertentunya masing-masing dari semasa ke semasa yang dikuatkuasakan. Lebih daripada satu produk, program, kemudahan atau perkhidmatan khas boleh dikenakan ke atas Kad pada masa yang sama. Bank boleh memperkenalkan dan menamatkan apa-apa produk, program, kemudahan atau perkhidmatan khas yang tertentu dari semasa ke semasa.

11.3 Selaras dengan komitmen Bank untuk menaikkan taraf perkhidmatan dan manfaat Kad, Bank boleh mengkaji dan menyemak apa-apa ciri dan manfaat yang disenaraikan dalam mana-mana brosur yang dicetak oleh Bank atau yang disiarkan dalam laman web Bank dari semasa ke semasa. Jika terdapat apa-apa percanggahan antara terma dan syarat tertentu yang mengawal kemudahan Kad dan apa-apa produk, kemudahan atau perkhidmatan lain yang diperkenalkan oleh Bank dengan Terma dan Syarat ini, maka terma dan syarat tertentu bagi setiap kemudahan, produk atau perkhidmatan hendaklah digunakan.

12. Urus Niaga Luar Negara

12.1 Ahli Kad hendaklah memberitahu Bank lebih awal tentang hasratnya menggunakan Kad untuk Urus Niaga luar negara dengan menghubungi Bank melalui tallian Hotline, e-mel, hadir secara fizikal ke cawangan atau cara lain yang tertentu yang ditetapkan oleh Bank.

12.2 Ahli Kad adalah sedar bahawa transaksi luar negara menggunakan Kad hanya akan diaktifkan jika Ahli Kad telah menyatakan persetujuan secara eksplisit (opt-in) untuk transaksi tersebut.

12.3 Ahli Kad boleh menggunakan Kad untuk menjalankan Urus Niaga di luar Malaysia apabila terdapat outlet Saudagar Dibenarkan dan/atau outlet tunai dibenarkan (jika ada).

12.4 Ahli Kad boleh menggunakan Kad untuk pengeluaran tunai melalui ATM UnionPay yang dipasang di negara tertentu yang diluluskan seperti yang akan ditentukan oleh Bank dan/atau mana-mana gabungan saudagar bagi Kad.

12.5 Apabila Ahli Kad menggunakan Kad di luar Malaysia, Urus Niaga hendaklah dicajkan dalam mata wang rasmi bagi negara yang berkenaan dan ditukar kepada Ringgit Malaysia. Transaksi yang dibuat dalam mata wang asing akan ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang ditentukan oleh UnionPay. Sekiranya Ahli Kad mempunyai Akaun Renminbi dengan Bank, transaksi yang dilakukan dalam Mainland China akan didebitkan terus daripada Akaun Renminbi Ahli Kad. Kadar pertukaran mungkin berbeza daripada kadar yang dikuatkuasakan pada tarikh Urus Niaga disebabkan turun naik pasaran. Pertukaran tersebut boleh berbeza dengan kadar yang digunakan pada tarikh Urus Niaga disebabkan oleh turun naik pasaran. Kadar yang dikenakan adalah muktamad and konklusif dan anda hendaklah menanggung semua risiko pertukaran, kerugian, komisen dan caj Bank.

12.6 Semua Urus Niaga antara negara dan penggunaan Kad hendaklah tertakluk kepada undang-undang sedia ada di negara yang Urus Niaga itu dibuat.

13. Urus Niaga Internet

13.1 Bagi Urus Niaga internet, Ahli Kad mesti memohon USB ICBC Shield di kaunter sebelum membuat apa-apa Urus Niaga internet dalam talian. Ahli Kad bertanggungjawab ke atas risiko yang ditanggung apabila menggunakan perkhidmatan perbankan elektronik. Jika Ahli Kad menggunakan Kad untuk membeli barangan dan/atau perkhidmatan melalui tapak atau portal internet dalam talian, Ahli Kad hendaklah bertanggungjawab terhadap keselamatan penggunaan itu pada setiap masa. Ahli Kad bersetuju bahawa entri bagi maklumat Kad di internet hendaklah menjadi bukti yang cukup tentang kesahan bagi arahan tersebut. Bank tidak mempunyai apa-apa obligasi untuk mengesahkan identiti atau kebenaran bagi orang yang memasukkan maklumat Kad dan Bank tidak bertanggungan untuk bertindak ke atas penggunaan Kad itu tanpa mengambil kira orang itu diberikan kebenaran atau sebaliknya dan tanpa mengambil kira keadaan yang wujud pada masa Urus Niaga. Ahli Kad bersetuju bahawa Bank tidak mempunyai walau apa pun kewajipan dan/atau obligasi ke atasnya untuk memantau dan menyekat penggunaan Kad bagi apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang. Walau bagaimanapun, Bank mempunyai budi bicara untuk tidak menjalankan apa-apa Urus Niaga tertentu melalui internet jika Bank mempunyai apa-apa alasan untuk meragui kesahan atau jika pada pendapat Bank, ia menyalahi undang-undang atau tidak sesuai untuk berbuat demikian atau atas apa-apa alasan lain.

13.2 Urus Niaga internet dalam talian adalah tertakluk kepada amaun terkumpul maksimum RM10,000 sehari.

13.3 Ahli Kad adalah sedar bahawa transaksi tanpa kehadiran kad (card-not-present) hanya akan diaktifkan jika Ahli Kad telah memberikan persetujuan secara eksplisit (opt-in) untuk transaksi tersebut.

14. Pindaan/Perubahan

14.1 Terma dan Syarat yang terkandung dalam dokumen ini tidak lengkap dan Bank berhak menambah, menghapus, mengubah atau meminda Terma dan Syarat ini pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa menurut budi bicara penuh dan mutlaknya termasuk ap-apa fi dan caj kena dibayar, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan notis awal daripada Bank kepada Pemegang Akaun dan/atau Ahli Kad sekurang-kurangnya 21 hari (atau tempoh masa yang perlu dipatuhi di bawah akta-akta yang berkenaan, peraturan ataupun garis panduan). Ahli Kad dengan ini bersetuju bahawa apa-apa penambahan, penghapusan, pengubahan atau pindaan kepada Terma dan Syarat ini hendaklah mengikat Ahli Kad dan hendaklah dianggap sebagai telah sampai kepada pengetahuan Ahli Kad dengan mempamerkannya di Bank dan mana-mana cawangannya atau di laman web Bank atau diposkan kepada Ahli Kad ke alamat terakhirnya yang diketahui atau diiklankan melalui apa-apa cara lain seperti yang dianggap sesuai oleh Bank. Apa-apa perkhidmatan baharu yang akan diperkenalkan oleh Bank dari semasa ke semasa, jika diiklankan oleh Bank melalui akhbar atau bahan promosi Bank yang diletakkan di kaunter Bank, hendaklah dianggap sebagai telah disampaikan dengan berkesan dan secukupnya kepada Ahli Kad.

15. Pendedahan Maklumat

15.1 Bagi membolehkan Bank mempertimbangkan untuk menyediakan apa-apa akaun, produk atau perkhidmatan (secara kolektif, “perkhidmatan”) kepada Ahli Kad, Ahli Kad dikehendaki memberikan kepada Bank dari semasa ke semasa, butiran dan maklumat peribadi berhubung dengan apa-apa akaun Ahli Kad yang ada dengan Bank dan apa-apa Urus Niaga dan urusan Ahli Kad atau melalui Bank (“Data Peribadi”) dan kegagalan untuk berbuat demikian boleh menyebabkan Bank tidak dapat menyediakan perkhidmatan tersebut. Data Peribadi akan digunakan untuk mempertimbangkan permohonan Ahli Kad dan Data Peribadi akan digunakan bagi tujuan yang ditetapkan dalam Fasal 15.2 dan 15.3 di bawah.

15.2 Tertakluk kepada fasal 15.3, Ahli Kad bersetuju bahawa Bank boleh menggunakan, menyimpan, mendedahkan, memindahkan, mengumpul, memadankan, mendapatkan dan/atau menukar (semuanya sama ada di dalam atau di luar Malaysia) Data Peribadi itu, daripada atau dengan mana-mana orang seperti yang dianggap perlu oleh Bank termasuk :

(a) mana-mana ahli Kumpulan ICBC yang (i) menyediakan semakan pengurusan kumpulan Bank dan/atau sokongan

global dan serantau, atau (ii) menjalankan perniagaan dalam industri perkhidmatan kewangan, atau (iii) penyedia bagi perkhidmatan kepada ahli lain dalam Kumpulan ICBC;

(b) mana-mana bank, syarikat kad kredit atau kad caj atau saudagar dalam siasatan kad kredit atau kad caj;

(c) mana-mana organisasi pengumpul atau pemproses maklumat yang menjalankan kajian atau analisis atau membangunkan aplikasi sistem bagi pihak Bank;

(d) China UnionPay;

(e) mana-mana orang atau organisasi yang terlibat dalam menghantar atau menyampaikan apa-apa komunikasi ke alamat Ahli Kad yang terakhir yang diketahui mengikut rekod kami;

(f) mana-mana biro kredit atau agensi rujukan kredit yang ditubuhkan oleh mana-mana pihak berkuasa lain;

(g) mana-mana institusi kewangan pihak ketiga, syarikat insurans, syarikat kad kredit, penyedia perkhidmatan sekuriti dan pelaburan, penyedia program ganjaran, kesetiaan atau produk pihak ketiga dan/atau rakan kongsi penjenamaan bersama Bank;

untuk apa-apa dan semua tujuan termasuk:

i. berhubung dengan perkhidmatan tertentu dan/atau berhubung dengan pemadanan untuk apa sahaja tujuan (sama ada dengan pertimbangan untuk mengambil apa-apa tindakan bertentangan terhadap Ahli Kad) apa-apa Data Peribadi tertentu dengan Data Peribadi tentang Ahli Kad dalam milik Bank; dan/atau

ii. berhubung dengan operasi Akaun Kad (termasuk semakan kredit); dan/atau

iii. untuk tujuan penambahbaikan dan melanjutkan peruntukan perkhidmatan lain oleh Bank dan mana-mana ahli Kumpulan ICBC kepada Ahli Kad secara umum; dan/atau

iv. untuk tujuan pencegahan fraud atau jenayah, audit dan pungutan hutang dan supaya perkhidmatan boleh diproses untuk Bank; dan/atau

v. untuk tujuan penyiasatan, pelaporan, pencegahan atau berkaitan dengan pelaburan wang haram, pembiayaan pengganas dan aktiviti jenayah secara umum; dan/atau

vi. untuk tujuan apa-apa proses undang-udang yang dimulakan oleh atau diberikan kepada, Bank (sama ada Bank menjadi pihak atau tidak); dan/atau

vii. apa-apa tujuan lain dan kepada mana-mana orang seperti yang mungkin menurut dasar am Bank tentang pendedahan Data Peribadi seperti yang dinyatakan dalam penyata, surat pekeliling, notis atau terma dan syarat lain yang disediakan oleh Bank kepada Ahli Kad dari semasa ke semasa.

15.3 Ahli Kad faham bahawa Bank, atau mana-mana ahli Kumpulan ICBC atau mana-mana pihak ketiga yang kepadanya Bank telah menyampaikan maklumat tentang Data Peribadi, akan dimestikan untuk mendedahkan maklumat tersebut jika dipaksa secara sah untuk berbuat demikian (sama ada oleh undang-undang Malaysia atau undang-undang bagi mana-mana bidang kuasa yang maklumat itu telah disampaikan). Bank boleh memindahkan Data Peribadi di luar Malaysia ke negara penerima yang mempunyai undang-undang perlindungan data sekurang-kurangnya setaraf dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 Malaysia. Walau bagaimanapun, semua Data Peribadi yang disimpan oleh Kumpulan ICBC atau oleh subkontraktor atau ejennya akan diberikan perlindungan tahap tinggi terhadap apa-apa pendedahan, akses atau penghapusan yang tidak dibenarkan atau tidak disengajakan. Ahli Kad bersetuju dengan Data Peribadi yang digunakan seperti yang diterangkan dan ia boleh dipindahkan seperti yang dinyatakan di atas. Bergantung pada jenis data, termasuk tetapi tidak terhad kepada Data Peribadi dan maklumat berkaitan dengan akaun Ahli Kad, dan di mana ia disimpan, Ahli Kad berhak mengetahui butiran (termasuk salinan) maklumat yang disimpan oleh Bank tentang Ahli Kad dan meminta Bank membetulkan apa-apa ketidaktepatan. Permohonan untuk maklumat lanjut boleh dialamatkan kepada:

Industrial and Commercial Bank of China (Malaysia) Berhad
Digital and Retail Banking
Aras 10, Menara Maxis ,
Kuala Lumpur City Centre,
50088 Wialayah Persekutuan Kuala Lumpur.
Tel : 1800-18-55888 (Domestik)
: 603-27881600 (Luar negara)
Faks : 603-2301 3388
E-mel: cardcentre@my.icbc.com.cn

15.4 Ahli Kad mengakui dan memahami bahawa dia diberi pilihan sama ada untuk membenarkan pendedahan/maklumat untuk tujuan pemasaran dan mempromosikan perkhidmatan dan produk (berkenaan yang Bank mungkin atau mungkin tidak diberikan saraan) boleh disediakan dan/atau dipasarkan oleh:

(a) Bank dan mana-mana ahli Kumpulan ICBC; atau

(b) pihak ketiga Bank seperti pakatan strategik.

Bank boleh memberikan maklumat ini kepada ahli-ahli lain Kumpulan ICBC supaya mereka boleh melakukan perkara yang sama melainkan Ahli Kad telah membantah terhadap penzahiran tersebut untuk tujuan penjualan silang.

16. Komunikasi

16.1 *Notis* Semua permintaan, permohonan, notis atau komunikasi lain (secara kolektif dirujuk sebagai “Notis”) yang dikehendaki disampaikan di bawah Terma dan Syarat ini, hendaklah secara bertulis dan hendaklah diserahkan dengan memuaskan kepada Bank jika ditinggalkan atau dihantar melalui pos prabayar biasa atau pos berdaftar ke alamat perniagaan Bank yang dinyatakan di atas atau ke alamat lain yang tertentu seperti yang diberitahu oleh Bank dan kepada Ahli Kad dengan tangan atau melalui pos biasa ke alamat terakhirnya yang diketahui mengikut rekod Bank atau melalui faks, e-mel, atau melalui internet dan Notis itu hendaklah dianggap telah disampaikan sewajarnya (a) jika ia diserahkan pada masa penyerahan dan penerimaan diakui sewajarnya; atau (b) jika dihantar melalui pos biasa prabayar atau pos berdaftar atau melalui faks, e-mel atau melalui internet, tiga (3) hari selepas disiarkan atau disampaikan melaluinya.

16.2 *Penandatangan* Apa-apa Notis oleh Ahli Kad kepada Bank hendaklah ditandatangani sewajarnya oleh Ahli Kad. Apa-apa Notis yang diberikan oleh Bank boleh ditandatangani bagi pihak Bank oleh Pengurus Bank atau oleh peguam cara atau firma peguam cara yang bertindak bagi pihak Bank.

16.3 *Bahasa* Semua Notis dan dokumen hendaklah dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu atau Bahasa Cina.

16.4 *Penyampaian proses undang-undang* Tanpa menjejaskan apa-apa bentuk atau perkhidmatan yang dibenarkan dalam undang-undang, penyampaian apa-apa writ, saman, pernyataan tuntutan atau apa-apa proses undang-undang berkaitan dengan atau yang timbul daripada Terma dan Syarat ini boleh dibuat ke atas Ahli Kad dengan menghantar satu salinan writ, saman, pernyataan tuntutan atau proses undang-undang lain melalui pos prabayar berdaftar ke alamat terakhirnya yang diketahui.

16.5 *Pertukaran alamat* Pertukaran alamat Ahli Kad tidak boleh berkuat kuasa atau mengikat Bank kecuali Ahli Kad memberikan Bank notis sebenar secara bertulis tentang perubahan alamat itu. Ahli Kad boleh datang ke Bank atau menghantar faks/menulis surat kepada Bank untuk memaklumkan pertukaran dan apa-apa yang dilakukan berhubung dengan Fasal 16.2 tidak boleh dipengaruhi atau dijejaskan oleh

16.6 *Aduan* apa-apa aduan hendaklah dialamatkan kepada talian Hotline, e-mel atau mana-mana cawangan ICBC atau Jabatan Digital and Retail Banking untuk bantuan selanjutnya.

Industrial and Commercial Bank of China (Malaysia) Berhad
Digital and Retail Banking Department
Level 10, Menara Maxis,
Kuala Lumpur City Centre,
50088 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
Talian : 1800-18-5588 (Domestic)
: 603-2788 1600 (Overseas)
Faks : 603-2301 3388
E-mel : cardcentre@my.icbc.com.cn

17. Penamatan/Penutupan Akaun

17.1 Ahli Kad boleh, dari semasa ke semasa menamatkan penggunaan Kad melalui notis bertulis kepada Bank dan mengembalikan Kad yang telah dipotong dua kepada Bank. Penutupan Akaun akan secara automatik menyebabkan penamatan Kad. Apa-apa fi tahunan atau fi lain yang dibayar atau mana-mana bahagiannya tidak akan dibayar balik kepada Ahli Kad. Ahli Kad hendaklah dan terus bertanggungan terhadap apa-apa Urus Niaga yang dibuat melalui penggunaan Kad sebelum Bank menerima notis penamatan bertulis itu dan mengembalikan Kad yang dipotong dua kepada Bank.

18. Penggantungan Akaun & Tolak Selesai

18.1 Bagi membolehkan Bank mengekalkan dan tidak menjejaskan liabiliti Ahli Kad sebaik sahaja writ saman dikeluarkan atau untuk membuktikan kebankrapan atau ketakmampuan bayar Ahli Kad atau atas alasan lain yang tertentu, seperti yang dianggap sesuai oleh Bank, Bank boleh pada bila-bila masa dan tempat, menyimpan bagi tempoh tertentu seperti yang dianggap berhemat oleh Bank, apa-apa wang yang diterima, diperoleh semula atau direalisasikan menurut Terma dan Syarat ini atau di bawah mana-mana sekuriti atau jaminan lain bagi kredit dalam akaun tanpa faedah/pendapatan yang berasingan di bawah nama Ahli Kad seperti yang dianggap sesuai oleh Bank tanpa obligasi segera di pihak Bank untuk menggunakan yang sama itu atau mana-mana bahagiannya dalam atau untuk menjelaskan jumlah yang terhutang dan perlu dibayar kepada Bank.

18.2 Bank berhak pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis tujuh (7) hari terdahulu kepada Ahli Kad, menggabungkan dan menyatukan semua atau mana-mana akaun Ahli Kad dengan Bank daripada apa-apa jenis sekalipun dan terletak di mana-mana sekalipun dan sama ada dalam Ringgit Malaysia atau dalam apa-apa mata wang lain atau menolak selesa atau memindahkan apa-apa jumlah wang yang masih belum dikreditkan bagi mana-mana akaun tersebut untuk menjelaskan semua jumlah yang perlu dibayar kepada Bank di bawah mana-mana akaun Ahli Kad dengan Bank daripada apa-apa jenis sekalipun dan terletak di mana-mana sekalipun dan sama ada dalam Ringgit Malaysia atau dalam apa-apa mata wang lain dan boleh berbuat demikian walaupun baki dalam akaun tersebut dan jumlah yang perlu dibayar mungkin tidak dinyatakan dalam mata wang yang sama dan Ahli Kad dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk melaksanakan penggabungan, penyatuan, penolakan selesai atau pemindahan dengan penukaran yang perlu pada kadar pertukaran lazim Bank yang akan ditentukan oleh Bank menurut budi bicara mutlaknya.

19. Undang-undang yang Mengawal & Bidang Kuasa

19.1 Terma dan Syarat ini hendaklah tertakluk kepada dan ditafsirkan dalam semua perkara menurut undang-undang Malaysia tetapi dalam menguatkuasakan haknya, Bank bebas untuk memulakan dan mengambil tindakan atau prosiding atau selainnya terhadap Ahli Kad di Malaysia dan/atau di tempat lain dan Ahli Kad bersetuju bahawa apabila apa-apa tindakan atau prosiding dimulakan dan diambil di Malaysia, ia hendaklah mematuhi bidang kuasa tak eksklusif Mahkamah Malaysia dalam semua perkara yang berkaitan dengan obligasi dan liabilitinya di bawah atau yang timbul daripada Akaun, Kad serta Terma dan Syarat ini dan Ahli Kad secara muktamad dan tanpa syarat mengetepikan apa-apa bantahan atas alasan tempat atau kesesuaian bidang kuasa atau mahkamah keadilan atau atas apa-apa alasan yang serupa.

20. Tanggung Rugi

20.1 Ahli Kad mengaku janji untuk menanggung rugi Bank sepenuhnya dan selengkapnya terhadap semua tuntutan, permintaan, tindakan, prosiding, kerugian dan perbelanjaan (termasuk kos guaman antara peguam cara dengan kliennya sendiri) dan semua liabiliti lain daripada apa-apa jenis atau perihalan yang mungkin dibuat, diambil, ditanggung atau dialami oleh Bank berhubung dengan atau dalam apa-apa cara, yang timbul daripada peruntukan perkhidmatan yang berkaitan dengan Akaun atau Kad atau penerimaan apa-apa arahan yang diberikan oleh Ahli Kad atau pelanggaran oleh Ahli Kad terhadap mana-mana Terma dan Syarat ini. Liabiliti Ahli Kad adalah liabiliti berterusan dan akan terus berkuat kuasa dan dilaksanakan sepenuhnya sehingga liabiliti Bank, jika ada, dilepaskan sepenuhnya.

21. Pelbagai

21.1 Tajuk dan tajuk kecil dalam Terma dan Syarat ini dimasukkan semata-mata untuk kemudahan rujukan dan hendaklah diabaikan dalam tafsiran dan pentafsiran apa-apa peruntukan yang terkandung dalam dokumen ini.

21.2 Jika berlaku apa-apa konflik atau percanggahan antara mana-mana peruntukan Terma dan Syarat ini dengan mana-mana terma dan syarat tentang perkara yang sama yang ditemui dalam dokumen tertentu yang lain, konflik atau percanggahan itu hendaklah, untuk tujuan tafsiran dan penguatkuasaan Terma dan Syarat ini, diselesaikan dengan mengutamakan dan mendahulukan peruntukan yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini berbanding terma dan syarat lain.

21.3 Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan atau konflik antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diterima.